

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 APRIL 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 37

15 inisiatif perkukuh sektor OGSE negara

15 inisiatif perkukuh sektor OGSE negara

Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC) merancang untuk memulakan 15 inisiatif tahun ini di bawah Pelan Hala Tuju Industri Perkhidmatan serta Peralatan Minyak dan Gas (OGSE) Kebangsaan 2021-2030.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata 15 inisiatif itu bertujuan mengukuhkan dan mengembangkan industri OGSE akan terus menangani isu sistemik yang dihadapi sektor itu, khususnya dalam bidang teknologi, bakat dan pembilayaan.

"EPU dan MPRC akan terus bekerjasama rapat dengan kementerian, agensi, PETRONAS, pemain industri dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk merealisasikan visi dan matlamat yang ditetapkan dalam pelan hala tuju OGSE," katanya pada mesyuarat jawatankuasa pemandu kedua

bagi pelan hala tuju itu.

Mustapa berkata, bagi melengkapkan usaha di bawah pelan hala tuju itu, kerajaan melalui MPRC juga akan memperkenalkan pelan kemampanan untuk sektor OGSE akhir tahun ini.

"Ia akan bertindak sebagai garis panduan kepada peserta industri, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk menerapkan pelaporan kemampanan dan menggunakan pakai amalan perniagaan mampam sementara

kerajaan turut melihat peluang untuk memperkenalkan teknologi atau penyelesaian karbon rendah kepada sektor terbatit," katanya.

Beliau seterusnya menambah, sejumlah RM7 juta telah diluluskan di bawah Geran Pembangunan OGSE, satu lagi usaha bersama EPU dan MPRC untuk menyokong pertumbuhan berterusan sektor itu kepada 31 syarikat OGSE sejak ia dilancarkan pada April 2021.

Mustapa berkata, adalah penting bagi kedua-dua pelan hala

tuju serta usaha pelengkap oleh kerajaan dan MPRC terus mendapat daya tarikan dalam kalangan peserta industri.

"Justeru, MPRC akan mengadakan jerayawara di seluruh Malaysia, bermula dengan Terengganu, Sabah, dan Sarawak dalam beberapa bulan akan datang untuk mendekati peserta industri dan pihak berkepentingan di negeri-negeri ini," tambahnya.

Dalam kenyataan sama, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MPRC, Mohd Yazid Ja'afar, berkata usaha itu sedang dilakukan untuk menyokong dan membantunkan lagi sektor yang sudah lama menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia.

Menurutnya, industri OGSE sedang mengalami cabaran besar, walaupun harga minyak pulih dan ekonomi sedang bergerak daripada mod pandemik kepada fasa endemik.

BERNAMA

“ Bagi melengkapkan usaha di bawah pelan hala tuju itu, kerajaan melalui MPRC juga akan memperkenalkan pelan kemampanan untuk sektor OGSE akhir tahun ini”

**Mustapa Mohamed,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)**

